



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### PEKELILING JAWATANKUASA PENILAIAN DAN PENGGUNAAN KOMPUTER (JPPK)

BILANGAN 3/2011

Semua Staf  
KETUA JABATAN/ BAHAGIAN/ PUSAT/ UNIT  
DEKAN FAKULTI / REKTOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Y Bhg. Datuk / Dato'/ Datin / Prof./ Tuan / Puan

### PERMOHONAN PEMBELIAN DAN SEWAAN PERALATAN ICT & APD KE JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT (JT ICT)

Perkara di atas adalah dirujuk.

1. Pekeling Jawatankuasa Penilaian dan Penggunaan Komputer (JPPK) Bilangan 2/2011 bertarikh 1 Oktober 2011 mengenai perkara di atas adalah dirujuk.
2. Seperti mana kita sedia maklum bahawa JPPK telah menurunkan kuasa kepada Jawatankuasa Teknikal ICT (JT ICT). Terdapat 20 zon-zon JT ICT di seluruh sistem Universiti yang antara lain bertujuan membantu mempercepatkan proses perolehan peralatan ICT dan APD disetiap PTJ di Shah Alam dan kampus cawangan.
3. Permohonan bagi satiap satu jenis peralatan ICT atau pun APD yang jumlah pembeliannya bernilai kurang dari RM50,000.00 dalam satu tahun boleh terus dikemukakan kepada JT ICT masing-masing untuk kelulusan. Hanya peralatan yang bernilai lebih RM50,000.00 perlu dikemukakan kepada JPPK untuk kelulusan.
4. Sehubungan itu juga, semua kelulusan pembelian segala jenis Tablets ( contoh: iPad, Galaxy Tab) hendaklah ditangguhkan sehingga mendapat ketetapan pihak Pengurusan Universiti. Pesanan Tempatan yang telah disediakan bagi tujuan pembelian Tablet perlu dibatalkan sehingga mendapat kelulusan bertulis daripada JPPK.
5. Bersama ini kami lampirkan senarai peralatan ICT dan APD yang dibenarkan diperolehi melalui ketetapan ini melalui Zon JT ICT.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**PROF SR IR DR HJ SUHAIMI ABD TALIB**  
Penolong Naib Canselor  
Pembangunan, Pengurusan Fasiliti & ICT  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penilaian dan Penggunaan Komputer

Rujukan : 100-BP (PTA 6/7/3)  
Tarikh : 21 DISEMBER 2011



---

Peralatan-peralatan yang dibenarkan diperoleh melalui peruntukan ini oleh Zon JT ICT (Perolehan bawah RM50,000) adalah seperti berikut:

**ICT**

- a. Mikrokomputer , komputer *notebook*, *Netbook*, *Mac Pro*, *iMac* dan *Workstation* serta perkakasannya.

**Berdasarkan dasar sedia ada, perolehan komputer/komputer riba adalah melalui sewaan.** Namun pembelian komputer boleh dibeli dengan syarat spesifikasinya LEBIH TINGGI dari komputer/komputer riba sewaan. **Justifikasi keperluan hendaklah kukuh (Contoh. Penggunaan *high end computing & high end graphic*) .** Pihak pengurus JT ICT bertanggungjawab memastikan permohonan tersebut dengan teliti. Surat kelulusan yang dikeluarkan oleh JT ICT hendaklah memaklumkan dengan jelas bahawa spesifikasi komputer/komputer riba yang diluluskan adalah **LEBIH TINGGI** dari spesifikasi **KOMPUTER/KOMPUTER RIBA SEWAAN** berdasarkan kepada **justifikasi kegunaan/keperluan PTJ** yang berkenaan. Untuk kegunaan pejabat adalah komputer/komputer riba sewaan sahaja.

- b. Pencetak
- c. Pengimbas (*scanner*)
- d. *Thumb/Pen Drive*
- e. Latihan ICT
- f. Portable/External harddisk
- g. Perisian Komputer
- h. Perkasan Rangkaian Komputer
- i. Server
- j. Access Door
- k. Pembangunan Sistem Aplikasi
- l. Perkhidmatan ICT (Services)
- m. Peningkatan Sistem (Upgrading)
- n. Perluasan Sistem (Role Out)

Semua perolehan Item ICT Item g sehingga n (kecuali item j), hendaklah terlebih dahulu dirujuk dan **mendapat pengesahan** koordinator-koordinator BPPIIT/JPPICT melalui email sebelum kelulusan boleh dikeluarkan oleh JT ICT Zon termasuklah spesifikasi, prosedur dan sekatan-sekatan yang dikuatkuasakan.

Manakala bagi item k, **Pembangunan Sistem Aplikasi** (RM 1 - RM 500,000.00 ) perlulah dirujuk kepada Pejabat Teknologi Maklumat (bagi mengelakkan pertindihan penggunaan) serta mendapat kelulusan KPT terlebih dahulu sebelumnya peruntukan dalam Surat Pekeliling AM 1 Tahun 2009 - Jabatan Perdana Menteri 30hb April 2009. **QMS adalah termasuk dalam kategori Pembangunan Sistem Aplikasi.**

\*\*Takrifan Pembangunan Sistem Aplikasi : Para 5.1 a) i) Pembangunan Sistem Aplikasi adalah sistem aplikasi yang dibangunkan dengan menggunakan perisian pembangunan atau pun pakej sedia ada (*off-the-shelf*) untuk kegunaan tertentu dan seupamanya.

Item j, Access Door hendaklah dirujuk dan mendapat pengesahan Bahagian Khidmat Elektrikal & Komunikasi KET, Pejabat Pengurusan Fasiliti



---

**APD**

- a. Display Monitor & Television - Semua jenis TV termasuk HDTV, LCD Flat Screen, Plasma dan CRT (berdasarkan kesesuaian jarak tontonan).
- b. Radio - Semua jenis radio
- c. Video Camera - Semua jenis video camera, camcoder dan perakam video, videocam dan Handycam
- d. LCD Data/Video Projector - Semua jenis projector termasuk DLP
- e. Overhead Projector (OHP) - Projector untuk tranperensi
- f. VCD/DVD Player - Pemain VCD/DVD Player (VCD/DVD Disc)
- g. Still Camera- Perakam imej statik digital, analog, Lens dan SLR Camera
- h. Audio System - PA system, In-door /outdoor sound reinforcement system, permanent installation audio system, Conference system dan Teleconferencing
  - i. Speaker
  - ii. Power Amplifier
  - iii. Audio Mixer
  - iv. Equalizer
  - v. Microphone
- i. Digital Signage
- j. Broadcast Equipment - Semua sistem audio dan video untuk tujuan penyiaran samada radio atau TV.
- k. Portable lighting dan studio lighting system
- l. Skrin - Semua jenis skrin paparan samada manual atau motorized
- m. Non-Linear Editing System - Digunakan untuk tujuan pembikinan dokumentari, filem dan persembahan multimedia, video editing system.
- n. Video System - Semua jenis sistem video
- o. Duplicator - Digunakan untuk duplikasi media
- p. AV Control System - Semua jenis sistem kawalan AV
- q. Perakam Suara/Pemain MP3 - Semua jenis perakam suara/Pemain MP3, iPod.
- r. Professional Lens, Zoom Lens, Wide Angle Lens and Fish Eye
- s. Professional Video Camera Tripod
  - i. Light Weight Tripod
  - ii. Studio Pedestal
  - iii. Heavyweight Dolly

**Nota :**

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan maklumat dari dokumen ini, sila dapatkan nasihat daripada JPPK

Peralatan yang tidak tersenarai adalah bukan bidang kuasa JT ICT Zon.

**Pengesahan spesifikasi** bagi perolehan SEBUTHARGA RASMI DAN TENDER bagi peralatan ICT & AV adalah dibawah bidang kuasa JPPICT & JAPD

Perolehan menggunakan geran penyelidikan hendaklah dimajukan ke RMI

**Rujuk Pekeliling Jawatankuasa Penilaian dan Penggunaan Komputer Bilangan 3/2011**  
**Bertarikh 21 Disember 2011.**